



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

2 Julai 2020

1. Flot kuda sorok kerbau; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Lokal	M/SURAT: <input type="text" value="11"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
2.7.2020			



Float kuda sorok kerbau

Tumpat: Dua lelaki disyaki penyeludup ditahan ketika membawa dua kerbau dan seekor lembu dalam float kuda (semi treler kandang haiwan) secara tidak sah dari Thailand.

Tindakan itu dipercayai untuk mengaburi pihak berkuasa, tetapi mereka ditahan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) di Jalan Chabang Empat di sini, jam 12.15 tengah hari, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 PGA, Superintendan Azhari Nusi berkata, pihaknya yang melakukan rondaan mengesan sebuah jip yang menunda float kuda dipandu dalam keadaan mencurigakan.

"Pemandu dan kelindanya ditahan sebelum hasil pemeriksaan dalam float kuda itu menemui dua kerbau betina dan seekor lembu jantan disyaki diseludup dari negara jiran.

"Ketiga-tiga ternakan itu tidak mempunyai tag telinga, dokumen perjalanan dan permit pemindahan yang sah," katanya ketika dihubungungi di sini, semalam.

Azhari berkata, semua rampasan termasuk tiga ternakan dianggarkan bernilai keseluruhan RM45,000 dibawa ke Balai Polis Chabang Empat untuk tindakan lanjut.

Katanya, pemandu dan kelindan berusia 35 serta 25 tahun ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

"Semua ternakan bernilai RM20,000 itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan untuk tindakan lanjut," katanya.

Ternakan tiada tag telinga, dokumen perjalanan dan permit pemindahan yang sah

P yang menunda bersama float kuda membawa kerbau dan lembu tidak sah dari Thailand ditahan di jalan Chabang Empat, semalam.